

Hubungan Kecenderungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan di Kolej Komuniti Arau

Nurdilah Mohd Tajuddin*, Irna Jannah Mohamad dan Syukriah Safie

Kolej Komuniti Arau, Perlis, Malaysia.

ABSTRAK

Gaya pembelajaran merupakan satu perkara yang penting dan berkait rapat dengan pencapaian akademik para pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti hubungan kecenderungan gaya pembelajaran jenis Visual, Auditori dan Kinestetik yang menjadi amalan di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan di Kolej Komuniti Arau dengan tahap pencapaian akademik. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan soalan soal selidik kepada pelajar tersebut. Soal selidik menggunakan Skala Likert di mana terdapat 2 bahagian soalan yang perlu di jawab iaitu maklumat diri serta gaya pembelajaran mengikut model VAK. Set soalan selidik diberikan kepada 50 orang pelajar lelaki dan perempuan sebagai responden yang terlibat yang mengandungi 32 soalan. Populasi yang terlibat ialah di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Sampel itu dipilih secara rawak sistematik kerana jumlah responden lelaki dan perempuan adalah seimbang dan sampel bertaburan normal. Data yang terkumpul diuji dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif di mana data dianalisis menggunakan Skor Min. Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS 17.0) digunakan untuk analisis. Daripada dapatan kajian, pengkaji dapat menentukan dapatan skor min jenis Visual berada pada tahap sederhana ($M=3.50$, $SP=3.50$), skor min jenis Auditori juga berada pada tahap sederhana ($M=3.70$, $SP=0.30$) dan skor min jenis Kinestetik berada pada tahap memuaskan ($M=3.90$, $SP=0.20$). Dapatan analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Visual dengan pencapaian akademik pelajar ($k = .073$, $p > .05$), dapatan analisis korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Auditori dengan pencapaian akademik pelajar ($k = .340^$, $p < .05$) dan dapatan analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Kinestetik dengan pencapaian akademik pelajar ($k = -0.23$, $p < .05$). Setelah analisis statistik t-sampel dilakukan, ujian Levene didapati tidak signifikan ($p > .05$). Setelah ujian-t sampel bebas dilakukan, didapati ia adalah tidak signifikan, $t(48) = -1.826$, $p > .05$. Oleh itu hipotesis nul ini tidak boleh ditolak. Kesimpulannya gaya pembelajaran Kinestetik adalah yang paling tinggi dan tidak dapat perbezaan antara pencapaian akademik di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina.*

PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan utama dalam perkembangan potensi individu. Setiap pelajar mempunyai kecenderungan gaya pembelajaran tersendiri dalam memberi fokus yang lebih terhadap pembelajaran. Gaya bermaksud sikap, kesukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri-ciri seseorang manakala pembelajaran sebagai proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran [1]. Pembelajaran memerlukan rangsangan dan kecerdasan pemikiran. Pembelajaran adalah perubahan dalam tingkah laku hasil daripada pengalaman. Perubahan

*Koresponden: nurdilahmohdtajuddin@yahoo.com

yang berlaku pada tingkah laku terhasil daripada sesuatu pengetahuan samada kognitif, afektif atau psikomotor [2].

Gaya pembelajaran tidak melibatkan kecerdasan atau kemahiran sedia ada tetapi berkait rapat dengan bagaimana kita memperoleh atau memahami maklumat atau ilmu baru. [7]. Menurut [4] yang dipetik oleh [7], menyatakan gaya pembelajaran sebagai kecenderungan seseorang individu menumpukan perhatian, memproses maklumat dan mengekalkan maklumat-maklumat yang diterima.

Gaya pembelajaran merupakan kaedah bagaimana seseorang itu belajar dan mendapatkan ilmu. Oleh yang demikian, gaya pembelajaran yang betul harus diamalkan agar para pelajar Unit Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau dapat memahami sesuatu subjek dengan baik. Pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar didedahkan kepada suasana yang sebenar di mana pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan secara praktikal [8].

Latar Belakang Kajian

Gaya pembelajaran merupakan salah satu elemen yang sangat penting bagi memastikan seseorang pelajar itu dapat belajar dengan efektif. Sementara kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan pelbagai faktor yang dikatakan mempengaruhinya untuk cemerlang. Antaranya termasuklah faktor keluarga, guru, sekolah dan paling penting adalah sikap pelajar itu sendiri. Kajian ini akan mengenalpasti gaya pembelajaran yang mempengaruhi pembelajaran seseorang individu. Setiap individu yang bergelar pelajar yang belajar di mana-mana institusi semestinya mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Sebagai contoh, gaya belajar berkumpulan, belajar secara bersendirian dan lain-lain lagi. Gaya pembelajaran juga boleh dikaitkan dengan cara seseorang pelajar itu belajar untuk memahami sesuatu pelajaran yang dipelajari. Gaya pembelajaran seseorang itu adalah bebas mengikut kemampuan individu tersebut dan ia mestilah memuaskan keperluan individu itu sendiri sehingga beliau mencapai tahap kefahaman yang diinginkan. Secara amnya gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Terdapat pelbagai teori dan model gaya pembelajaran yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan yang dapat dipraktikkan dan dijadikan sebagai panduan oleh pelajar-pelajar masa kini. Namun begitu, pelajar perlu mengetahui kepelbagaian gaya pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka sendiri. Terdapat pelbagai model yang menceritakan gaya pembelajaran yang dipraktikkan.

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Seseorang pelajar mula membentuk gaya pembelajaran sejak awal kanak-kanak dan kemudian akan menggunakan gaya pembelajaran tersebut. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian lanjut patut dijalankan untuk memahami kecenderungan gaya pembelajaran di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan di Kolej Komuniti Arau.

Penyelidik membuat keputusan untuk mengkaji gaya pembelajaran model gaya pembelajaran (VAK), yang dipelopori oleh [9] sebagai model kajian. Mengandungi tiga aspek iaitu gaya pembelajaran Visual, Auditori dan Kinestetik. Gaya pembelajaran Visual berlaku dimana pelajar belajar dengan lebih baik dengan melihat perkataan dalam buku dan papan tulis, tidak memerlukan penerangan lisan yang banyak, dapat belajar bersendirian dengan membaca buku, tidak perlu mencatat penerangan atau arahan lisan yang disampaikan sekiranya ingin mengingat sesuatu maklumat.

Menurut [9] yang dipetik oleh [5], menyatakan gaya pembelajaran visual terbahagi kepada dua iaitu gaya pembelajaran visual verbal dan gaya pembelajaran visual bukan verbal. Gaya pembelajaran Auditori berlaku di mana pelajar belajar daripada perkataan yang diucapkan,

dapat mengingat maklumat dengan membaca kuat atau dengan menggerak-gerakkan bibir ketika membaca, serta mendapat manfaat daripada mendengar pita audio, syarahan dan perbincangan kelas. Pelajar auditori gemar belajar dengan melibatkan deria pendengaran. Gaya pembelajaran Kinestetik berlaku di mana pelajar belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal di dalam kelas dan gemar mengaplikasikan apa yang diajar (Sumber: Psikologi Pendidikan dalam PTV). Oleh itu melalui kajian ini pensyarah dapat mengetahui apakah gaya pembelajaran pelajar mereka agar teknik pengajaran akan lebih baik dan berkesan.

Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk :

1. Mengenalpasti tahap kecenderungan gaya pembelajaran jenis Visual, Auditori dan Kinestetik yang menjadi amalan di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan di Kolej Komuniti Arau.
2. Mengenalpasti tahap pencapaian akademik di kalangan program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina


Persoalan Kajian

Permasalahan kajian dapat dikenalpasti berdasarkan persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap kecenderungan gaya pembelajaran jenis Visual, Auditori dan Kinestetik yang menjadi amalan di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan di Kolej Komuniti Arau?
2. Apakah tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar Unit Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina?

METODOLOGI

Kerangka kerja konseptual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 menerangkan bahawa pengkaji menggunakan pelajar Kolej Komuniti Arau, Perlis sebagai sampel kajian bagi menentukan tahap kecenderungan pelajar melalui gaya pembelajaran terhadap pencapaian akademik yang diperolehi.



Rajah 1. Kerangka Kerja Konseptual Kajian.

Bagi melihat pengaruh gaya pembelajaran terhadap pencapaian akademik pelajar ini, satu set soal selidik telah diedarkan kepada 133 orang pelajar Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan secara rawak. Terdapat dua bahagian soalan yang perlu dijawab oleh responden iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah soalan berkaitan maklumat responden manakal Bahagian B soalan berkaitan gaya pembelajaran Visual, Auditori dan Kinestetik yang

mengandungi sebanyak 30 item soalan yang telah diubahsuai daripada soal selidik gaya pembelajaran [9] yang dipetik oleh [3].

Ujian kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik juga dijalankan terhadap 30 orang sampel pelajar melalui kaedah pilot test. Para pelajar terlebih dahulu diberi penerangan oleh pengkaji tentang tujuan kajian ini dijalankan sebelum mereka menjawab borang soal selidik yang telah diberikan sebagai pilot test sebelum kajian sebenar dijalankan. Kesahan borang soal selidik disahkan dengan menggunakan eigenvalue sama dengan atau melebihi satu ($\text{eigenvalue} \geq 1$) dan confirmatory factor analysis (CFA) dengan nilai setiap variance adalah melebihi 51%) bagi setiap item soalan. Kebolehpercayaan borang soal selidik diuji dengan menggunakan Cronbach's Alpha ($\alpha > 0.794$).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan objektif serta faktor yang mempengaruhi kajian ini, beberapa hipotesis null telah dibangunkan supaya tidak terdapat unsur *bias* dalam hasil dapatan kajian. Hipotesis nul yang telah dikenalpasti ialah:

- Ho1: Tidak ada hubungan signifikan kecenderungan gaya pembelajaran Visual dengan pencapaian akademik pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau.
- Ho2: Tidak ada hubungan signifikan kecenderungan gaya pembelajaran Auditori dengan pencapaian akademik pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau.
- Ho3: Tidak ada hubungan signifikan kecenderungan gaya pembelajaran Kinestatik dengan pencapaian akademik pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara pencapaian akademik pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina.

Jadual 1 Korelasi Spearman Rho Antara Kecenderungan Gaya Pembelajaran Visual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

	Visual	Pencapaian Akademik
Korelasi Pekali	1.000	.073
<i>Sig. (2 tailed)</i>		.612
N		50

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Visual dengan pencapaian akademik pelajar ($k = .073$, $p > .05$). Maka hipotesis nul pertama di dalam kajian ini tidak dapat ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Visual dengan pencapaian akademik pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan, Kolej Komuniti Arau. Kesimpulannya pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh kecenderungan gaya pembelajaran Visual.

Jadual 2 Korelasi Spearman Rho Antara Kecenderungan Gaya Pembelajaran Auditori Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

	Auditori	Pencapaian Akademik
Korelasi Pekali	1.000	.340*
<i>Sig. (2 tailed)</i>		.016
N		50

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Auditori dengan pencapaian akademik pelajar ($k = .340^*$, $p < .05$). Maka hipotesis nul kedua di dalam kajian ini dapat ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Auditori dengan pencapaian akademik pelajar Unit Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan, Kolej Komuniti Arau. Kesimpulannya pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh kecenderungan gaya pembelajaran.

Jadual 3 Korelasi Spearman Rho Antara Kecenderungan Gaya Pembelajaran Kinestatik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

	Auditori	Pencapaian Akademik
Korelasi Pekali	1.000	-.023
<i>Sig. (2 tailed)</i>		.875
N		50

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Kinestatik dengan pencapaian akademik pelajar ($k = -.023$, $p < .05$). Maka hipotesis nul ketiga di dalam kajian ini dapat tidak ditolak. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan gaya pembelajaran Kinestatik dengan pencapaian akademik pelajar Unit Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan, Kolej Komuniti Arau. Kesimpulannya pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh kecenderungan gaya pembelajaran Kinestatik.

Jadual 4 Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Pencapaian Akademik Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SP	dk	t	p
Lelaki	25	3.62	.220	48	-1.826	.074
Perempuan	25	3.72	.171	45.2	-1.826	.075

Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian-t sampel bebas pencapaian akademik mengikut jantina. Setelah analisis statistik t-sampel dilakukan, ujian Levene didapati tidak signifikan ($p > .05$). Keputusan ini menunjukkan varians di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sama dan telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam pencapaian akademik pelajar. Setelah ujian-t sampel bebas dilakukan, didapati ia adalah tidak signifikan, $t(48) = -1.826$, $p > .05$. Oleh itu hipotesis nul ini tidak boleh ditolak. Kesimpulannya tidak dapat perbezaan antara pencapaian akademik di kalangan pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau berdasarkan jantina.

Jadual 5 Min Kecenderungan Gaya Pembelajaran Visual, Auditori dan Kinestatik

Statistik deskriptif					
	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Purata Keseluruhan Visual	50	2.50	4.10	3.5380	.35277
Purata Keseluruhan Auditori	50	3.10	4.20	3.6600	.26496
Purata Keseluruhan Kinestatik	50	3.40	4.30	3.9260	.21928
Valid N (<i>listwise</i>)	50				

Jadual 5 menunjukkan min gaya pembelajaran visual ($M=3.53$), min gaya pembelajaran auditori ($M=3.66$) dan min gaya pembelajaran kinestetik ($M=3.92$). Dapatan menunjukkan min tertinggi adalah gaya pembelajaran kinestetik di mana kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar Unit Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan, Kolej Komuniti Arau lebih cenderung kepada gaya pembelajaran kinestetik walaupun perbezaan tidak ketara.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan kajian berkaitan dengan gaya pembelajaran pelajar ini, pengkaji mencadangkan antara beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan di antaranya ialah:

1. Kajian dijalankan di institusi-intituti yang lain seperti institusi kemahiran, Politeknik serta institusi-insituti lain yang menawarkan bidang teknikal dan kejuruteraan.
2. Perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan perbezaan latar belakang akademik dan bangsa.
3. Perbezaan gaya pembelajaran pelajar cemerlang dan tidak cemerlang.

Dapatan daripada dapatan yang telah dijalankan kepada pelajar program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan Kolej Komuniti Arau menunjukkan kepelbagaian gaya pembelajaran memberi tidak kesan yang berbeza terhadap individu dan mempengaruhi kecemerlangan akademik. Kecenderungan pemilihan gaya pembelajaran berdasarkan jantina pelajar tidak ketara. Hal ini menyangkal pernyataan [6].

Selain itu, berdasarkan penemuan, kajian ini menyokong gaya pembelajaran mengikut model VAK yang menyatakan setiap individu mempunyai tahap kecenderungan gaya pembelajaran yang pelbagai pada tahap yang berbeza-beza. Ketiga-tiga gaya pembelajaran adalah merupakan gaya pembelajaran yang menjadi pilihan pelajar kerana min ketiga-tiga berada pada tahap sederhana dan memuaskan walaupun min tertinggi adalah gaya pembelajaran Kinestetik.

Para pelajar perlu mengetahui gaya pembelajaran yang sedia ada pada dirinya untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Para guru memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan permasalahan yang timbul iaitu perkara yang dapat menghalang pelajar dari mencapai kecemerlangan yang diimpikan oleh mereka. Usaha dari semua pihak adalah diperlukan untuk meningkatkan prestasi para pelajar dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian mengikut kemampuan para pelajar agar mereka menjadi seseorang yang berguna pada negara kelak.

RUJUKAN

- Abd. Rahim M. Ali (2001). "Ilmu Pendidikan DPM, Pendidikan di Malaysia & Psikologi Pendidikan". Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur A. Mat Saad, *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Asas Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. tesis doctor falsafah ukm (2010)
- Ahmad Johari Bin Sihes & Hanisah Binti Abdullah (2011). Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Tiga UTM Skudai, Johor. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya & Nurfaizah Abd. Majid (2011). Hubungan Antara Budaya Formal Sekolah Dan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah: *Journal of Educational Psychology and Counseling*, volume 2, Jun 2011, Pages 78-112/ISSN: 2231-735X

- Bahrin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar (2007). "Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Berdasarkan Teori Dunn Dan Dunn Kepada Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor". Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.
- Cynthia Ulrich Tobias (1996). *They Way They Learn*. Colorado: Focus On The Family.
- Kenneth & Dunn (1984). "Teaching Student Through Their Individual Learning Styles". St John's University, Jamaica.
- Shahabuddin Hashim dan Dr Rohizani Yaakub (2004). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publication Sdn Bhd.
- Wiersma W. (2005). "Research Methods in Education: An Introduction." 7th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Zaidah binti Abd. Umar, Zulkifli bin Senin (2008). *Perkaitan Antara Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Prestasi Matapelajaran Matematik Kejuruteraan: Seminar Kebangsaan Matematik & Masyarakat 2008*.

